

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Selangor di atas soalan yang dikemukakan.

2. Konflik Palestin-Israel dirumitkan lagi dengan pengumuman Amerika Syarikat yang berhasrat untuk memindahkan Kedutaannya di Tel Aviv ke Baitulmaqdis. Tindakan Amerika Syarikat ini bukan sahaja menjejaskan prospek rundingan damai, malah boleh diputar-belitkan oleh pihak ekstrimis dan menyemarakkan lagi keganasan. Lanjutan dari itu, rantau tersebut akan menjadi tidak stabil.

3. Pihak Palestin telah hilang keyakinan terhadap kredibiliti Amerika Syarikat sebagai broker keamanan yang jujur. Mereka mula mengorak langkah untuk mencari landasan damai dengan Israel dengan penglibatan lebih banyak lagi negara dan blok-blok serantau, dan pada masa yang sama cuba mengimbangi pengaruh Amerika Syarikat yang sememangnya dominan dalam proses tersebut.

4. Malaysia khawatir tentang perkembangan ini dan telah menyuarakan kebimbangan serta mendesak pihak Amerika Syarikat untuk membatalkan tindakan provokatif tersebut. Pendirian ini diketengahkan melalui platform pelbagai hala Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), secara khususnya Sidang Kemuncak Tergempar OIC pada 13 Disember 2017 di Istanbul, Turki. YAB Perdana Menteri telah menyatakan pendirian tegas negara berhubung isu yang sama. Sidang Kemuncak Tergempar

tersebut telah mengecam tindakan Amerika Syarikat dan seterusnya memberi tekanan kepada Amerika Syarikat supaya menarik balik keputusan mengiktiraf Baitulmaqdis sebagai ibu negara Israel.

5. Malaysia mengutuk dan menolak sekeras-kerasnya keputusan unilateral oleh Amerika Syarikat yang mengiktiraf Baitulmaqdis sebagai ibu negara Israel, cadangan untuk memindahkan kedutaan negara tersebut dari Tel Aviv ke Baitulmaqdis mahupun sebarang usaha yang membolehkan Israel menguasai penempatan di Tebing Barat. Sebaliknya, Malaysia berpendapat bahawa status akhir Baitulmaqdis mesti ditentukan melalui rundingan dua hala di antara Palestin-Israel di bawah kerangka penyelesaian dua negara. Malaysia juga menggesa Amerika Syarikat supaya menarik balik pengiktirafan Baitulmaqdis sebagai ibu negara Israel, serta memikul tanggungjawab dalam merangka keamanan berkekalan secara menyeluruh berdasarkan penyelesaian dua negara.

6. Satu Sesi Khas Tergempar Perhimpunan Agung PBB telah diadakan pada 21 Disember 2017 di New York untuk membentangkan draf resolusi mengenai status Baitulmaqdis. Resolusi berkenaan telah diluluskan dengan 128 undi menyokong dan 9 menolak. Malaysia terlibat dengan menaja dan menyokong resolusi tersebut selaras dengan pendirian tegas dan konsisten negara yang menyokong usaha berterusan terhadap penubuhan sebuah negara Palestin yang bebas dan berdaulat, berdasarkan sempadan sebelum tahun 1967, dengan Baitulmaqdis sebagai ibu negara Palestin.

7. Resolusi tersebut antara lain menegaskan bahawa segala keputusan dan tindakan yang dilaksanakan oleh mana-mana pihak

dalam mengubah status, ciri dan demografi Baitulmaqdis tidak sah, terbatal serta perlu ditarik balik. Ia juga menuntut semua negara anggota mematuhi resolusi-resolusi PBB yang berkaitan termasuk tidak memindahkan kedutaan mereka ke Baitulmaqdis.

Sekian, terima kasih.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : DATO' SRI DR. HAJI IRMOHIZAM BIN DARIPADA  
HAJI IBRAHIM [ KUALA SELANGOR ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam Bin Haji Ibrahim [ Kuala Selangor ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk menerapkan aplikasi model pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris diilhamkan oleh pendidik daripada Kolej Vokasional Keningau, Sabah, yang telah merangkul anugerah peringkat antarabangsa bagi meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa menggalakkan semua guru termasuk guru Bahasa Inggeris untuk sentiasa melaksanakan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Melalui perkongsian *professional learning community* atau Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP), guru boleh melaksanakan amalan-amalan yang berkesan seperti yang dilaksanakan di Kolej Vokasional Keningau untuk meningkatkan minat dan prestasi murid mempelajari Bahasa Inggeris.